

06 OKTOBER 2017

Seludup dadah: Pendakwa Indonesia tuntutan Benjy dipenjara 14 tahun

Seludup dadah: Pendakwa Indonesia tuntutan Benjy dipenjara 14 tahun

JAKARTA - Pendakwa di Mahkamah Daerah Medan, Indonesia, menuntut agar pelakon Khaeryll Benjamin Ibrahim atau Benjy dijatuhi hukuman penjara 14 tahun dan didenda AS\$59,360 (RM251,000) kerana didakwa menyeludup dadah jenis syabu di dalam duburnya.

Dalam perbicaraan kelmarin, pendakwa Maria F Tarigan menegaskan bahawa Benjy telah melanggar Undang-Undang Narkotik 2009.

"Kami menggesa panel hakim memenjarakan tertuduh selama 14 tahun,"

katanya dalam sidang yang dipimpin hakim Wahyu Prasetyo Wibowo.

Selepas mendengar tuntutan pendakwa, Benjy memberitahu, dia akan membacakan kenyataan pembelaannya dalam prosiding pendengaran minggu depan.

Pada 18 April lalu, Benjy ditahan pegawai Kastam dan Cukai ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kualanamu, selepas pihak berkuasa menemui 4.5 gram syabu yang disorokkan di dalam duburnya. - *Jakarta Post*



Foto: ANTARA

Suspek berbaris semasa sidang akhbar berhubung penyeludupan syabu di Ibu Pejabat Polis Sulawesi Selatan di Makassar, 15 Ogos lalu.